



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 19/2023

**PENGUCAPAN YANG BAIK ADALAH
SEDEKAH**

12 Mei 2023

Bersamaan

21 Syawal 1444

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا.
يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ
فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Ta'ala, kita semua akan mendapat kejayaan hidup di dunia dan di Akhirat.

Khutbah pada hari yang berkat ini bertajuk:

PENGUCAPAN YANG BAIK ADALAH SEDEKAH

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Islam adalah ad-Din yang amat mengambil berat tentang maruah dan kemuliaan manusia. Oleh itu, Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa memelihara lidahnya. Dengan erti kata lain, setiap perkataan dan ucapan yang dituturkan lidah hendaklah menggunakan bahasa yang sopan dan mengandungi nilai kebaikan.

Allah berfirman dalam surah al-Hajj ayat 24:

وَهُدُوا إِلَى الطَّيِّبِ مِنَ الْقَوْلِ وَهُدُوا إِلَى صِرَاطِ الْحَمِيدِ ﴿٢٤﴾

Maksudnya:“Dan mereka diberi petunjuk kepada mengucapkan kata-kata yang baik serta diberi petunjuk ke jalan Allah yang amat terpuji”.

Dalam Islam, perkataan yang baik bukan hanya sekadar kata-kata indah yang keluar dari lidah seseorang. Malah, ia merupakan sedekah yang bermanfaat untuk kesejahteraan hidup bermasyarakat dan kebahagiaan abadi di Akhirat kelak.

Rasulullah SAW bersabda:

الْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ

Maksudnya:“Dan ucapan yang mulia itu adalah sedekah”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW juga sentiasa memperingatkan umatnya supaya berhati-hati ketika berkata-kata. Antaranya, baginda berpesan dengan sabdanya:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya:“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau mendinginkan diri sahaja”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dengan perkataan, seseorang manusia boleh menjadi mulia dan terhormat. Malah, dengan perkataan juga dia boleh menjadi hina dan dibenci.

Pendek kata, ucapan dan perkataan yang dikeluarkan seseorang akan menentukan nilai dan darjatnya pada pandangan mata orang lain. Seorang pujangga hikmah pernah berkata: “Maruah seseorang terletak pada lisannya”.

Bukan sekadar itu sahaja, bahkan perkataan yang baik adalah antara ciri hamba Allah yang akan meraih kedudukan dan darjat yang tinggi di syurga pada hari Akhirat.

Allah berfirman di dalam surah al-Furqan, ayat 63:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ
الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾

Maksudnya: Dan hamba-hamba Allah ar-Rahmaan ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan-santun, dan apabila bercakap kepada orang yang jahil, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini.

Ia turut menjadi pelindung daripada azab neraka. Sabda Baginda SAW yang bermaksud:

“Peliharalah diri kamu sekalian daripada api neraka walaupun dengan hanya memberikan sebiji kurma. Jika sesiapa tidak mampu, maka hendaklah dia menggantinya dengan perkataan yang baik”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sesungguhnya Allah SWT menciptakan lidah itu untuk tujuan yang betul umpama membaca al-Qur'an, berzikir, berdoa, nasihat-menasihati, berkata benar, menyampaikan ilmu, menyeru manusia kepada mentaati segala perintah Allah swt dan mencegah segala kemungkaran.

Oleh itu, kita hendaklah memelihara lidah dari tujuan yang salah dan perkara buruk atau munkar seperti berkata bohong, mengumpat, berkata keji, kata-kata kesat, maki hamun, mengadu domba, mengapikan permusuhan dan pelbagai kejahatan lidah yang lain. Ingatlah, bahawa setiap perkataan yang kita ucapkan tetap dicatat malaikat dan akan dipersoalkan di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam surah Qaaf ayat 18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia menerima dan menuliskannya.

Di zaman era teknologi maklumat ini juga telah menyebar luaskan lagi peranan dan pengaruh lidah, iaitu melalui kata-kata yang boleh disebarkan atau ditularkan melalui media massa dan media baru. Sering kali kita melihat dalam media social orang mencaci, menghina dan menfitnah tanpa asas seolah-olah tiada rasa takut bahawa semua itu akan dipersoalkan oleh Allah SWT pada hari akhirat kelak. Allah SWT memberi ancaman keras kepada sesiapa yang menyakiti orang lain dengan kata-kata palsu dan tuduhan liar yang tidak berasas. Allah berfirman dalam surah al-Ahzab ayat: 58:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ

أُحْتَمِلُوا بُهْتَانَنَا وَإِنَّمَا مَبِينَا ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Dan orang yang menyakiti lelaki dan perempuan yang beriman dengan perbuatan yang tidak mereka lakukan maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.

Untuk itu, Khatib berseru marilah sama-sama kita berusaha menjaga ucapan dan perkataan kita walau di mana kita berada dan apa jua cara yang digunakan. Mudah-mudahan Allah mengurniakan kita ganjaran yang besar di dunia dan akhirat nanti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❁ لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ

أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ

فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya:“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan mereka, kecuali (bisikan-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredhaan Allah, tentulah Kami akan memberi pahala yang amat besar kepadanya”.

(Surah an-Nisa' ayat: 114)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.
اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِيَّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.
وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim

Perbaikilah hubungan antara kami, pertautkanlah hati-hati kami dengan penuh kasih sayang, limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami sakinah, mawaddah dan rahmah. Hidupkanlah semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kejiranan dan qaryah kami.

Kurniakanlah kepada para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat agar mereka menjadi generasi al-Qowiyul al-Amin, generasi yang hebat lagi amanah. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ya Allah,

Tunjukkanlah kami jalan-jalan kebaikan dan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kegelapan kufur menuju kepada sinar iman, peliharalah akidah kami berpandukan akidah ahli sunnah wal jamaah. Janganlah Engkau pesongkan hati kami daripada kebenaran. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan Iman.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. Amin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.